



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha

Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah

Teluk Likas, Peti Surat 11623

88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

27 Mac 2024

KUMPULAN YAYASAN SABAH ERATKAN SILATURAHIM ANTARA KOMUNITI

KENINGAU (RABU): Kumpulan Yayasan Sabah melalui Zon Pedalaman Utara, telah menganjurkan acara Iftar pada 26 Mac 2024 bertempat di Masjid Babur Rahman, Kg. Sinulihan Baru, Sook, Keningau menghimpunkan masyarakat setempat untuk berbuka puasa di bulan Ramadan yang mulia.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Datuk Flovia Ng, ADUN N44 Tulid serta Encik Zulkhairi Ismail, Ketua Penyelarasan Pentadbiran Zon dan Encik Teo Guan Leck, Ketua Pentadbir Zon, Zon Pedalaman Utara.

Dalam ucapannya, Datuk Flovia memuji Kumpulan Yayasan Sabah dalam menganjurkan pelbagai program sosial termasuk program pendidikan dan pembangunan komuniti yang memberikan impak besar terhadap perkembangan komuniti tempatan.

Datuk Flovia juga berkata "Rakyat Sabah mendahului dalam aspek keharmonian kaum dan agama. Ini terbukti hari ini apabila Kumpulan Yayasan Sabah menjemput saya untuk berada di sini bersama anda semua. Dengan berada di sini, saya percaya bahawa ini adalah satu-satunya cara saya dapat menunjukkan apa itu cinta dan rasa hormat. Saya gembira dapat berkongsi kegembiraan Ramadan dengan anda semua di sini".

Dalam majlis itu, Datuk Flovia menyampaikan bantuan makanan berupa beras kepada 50 orang Asnaf (keluarga yang kurang berkemampuan) daripada Kg. Sinulihan Baru dan Encik Zulkhairi menyampaikan sumbangan kepada Tabung Pembangunan Masjid Babur Rahman.

Gambar 1: Datuk Flovia (empat dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang Asnaf.

Gambar 2: Encik Zulkhairi menyampaikan sumbangan untuk Masjid Babur Rahman.

Gambar 3: Masyarakat setempat semasa acara tersebut.

-----TAMAT-----

Sebarang maklumat, sila hubungi : Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel : 088-326448
Faks : 088-421526
Emel : ynwaskarnail@gmail.com